

## TIMUR TENGAH

# Sejarah bahasa, budaya Melayu di Tanah Arab

## PANDANGAN



**DR AMEEN TALIB**  
Penulis tamu

SEMASA kunjungan saya ke Makkah baru-baru ini, dalam perjalanan pulang dari Masjidil Haram ke hotel, kami dapat mendengar penjual jalanan tempatan melaungkan dalam bahasa Melayu:

“Mari mari, murah sekali, seratus ribu rupiah sahaja”.

Apabila kami menghampiri penjual, beliau menoleh kepada isteri saya dan berkata “mari ‘bu, murah dan bagus, seratus saja”.

Isteri saya, tidak ketinggalan, menjawab: “*Laa, laa, qahli*” (bahasa Arab yang bermaksud ‘tidak, tidak, mahal’). Penjual itu menjawab: “*Inga* (enggak atau tidak) *qahli* atau murah”.

Saya kagum dengan peniaga kaki lima di Makkah yang bertutur dalam bahasa Melayu.

Hotel yang kami inap juga mempunyai kakitangan Indonesia yang menjadi titik hubungan antara tetamu dan pihak hotel. Mereka melayani penutur bahasa Indonesia/Melayu.

Hotel juga mempunyai beberapa hidangan bufet sarapan dengan masakan Melayu seperti nasi goreng.

Malah, pemandu bas yang membawa kami dari Madinah ke Makkah juga berbahasa Melayu.

Percambahan bahasa Melayu/Bahasa Indonesia di Makkah adalah wajar memandangkan besarnya bilangan pengembara umrah dan haji dari Kepulauan Melayu.

Bagaimanapun, ia membuatkan saya berfikir tentang pengantarabangsaan bahasa Melayu.

## PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DI YAMAN

Satu bahagian di Timur Tengah yang mempunyai pengaruh bahasa dan budaya Melayu yang jelas dan bertapak di sana selama lebih satu abad adalah di Hadhramaut, Yaman.

Penduduk Hadhramaut telah berhijrah ke Kepulauan Melayu selama berabad-abad.

Komuniti diaspora Hadhrami wujud di seluruh Kepulauan Melayu. Di Indonesia sahaja mempunyai kira-kira 5 juta Hadhrami.

Istilah Arab-Indonesia telah menjadi klasifikasi kaum biasa di sana.

Orang Arab/Hadhrami yang pertama dikenali di Singapura adalah pedagang dan pedagang kaya yang datang dari Palembang, Indonesia, pada 1819, apabila Singapura menjadi pos perdagangan.

Dengan rangkaian perdagangan mereka, orang Arab/Hadhrami membantu menjadikan Singapura sebagai sebuah entrepot, atau bandar pelabuhan, yang berkembang maju.

Ramai penghijrah Hadhrami mengamalkan unsur budaya Melayu-Indonesia kerana perkahwinan campur dengan orang Melayu dan semakin akrab dengan adat resam Melayu.

Ramai daripada mereka mengambil isteri Melayu/Indonesia mereka dan membawa pulang ke Hadhramaut.

Salah satu contohnya ialah datuk saya sendiri, Syekh Salim Talib. Salah seorang daripada ramai isterinya ialah seorang wanita dari Kalimantan, Indonesia.

Beliau membawanya tinggal di Hadhramaut lebih satu abad yang lalu. Beliau bercakap dalam Bahasa Melayu/Indonesia semasa di sana sehingga meninggal dunia.

Menariknya, dua orang cucunya baru-baru ini berhijrah ke Indonesia bersama keluarga mereka, untuk melarikan diri daripada perang di Yaman.

Manakala ibu kepada datuk saya dilahirkan di Sitobondo, Jawa Timur.

Beliau pergi ke Hadhramaut pada usia remajanya dan tidak pernah pulang ke Indonesia tetapi terus berbahasa Melayu.

Omar dan Sheikh Al Habshi adalah dua bersaudara yang dihantar dari tempat kelahiran mereka di Banjarmasin, Indonesia, ke Hadhramaut pada usia remaja.

Mereka tidak pernah kehilangan keupayaan mereka untuk berbahasa Melayu, kerana mereka cukup mengamalkannya semasa di Hadhramaut.

Omar juga bercakap bahasa Arab dengan loghat Jawa yang dikenal ramai sebagai Tuan Omar.

Malangnya, anak-anak mereka tidak bercakap dalam bahasa Melayu.

Sebilangan besar generasi muda Hadhrami di Singapura tidak lagi bercakap dalam Bahasa Arab, majoriti generasi muda Arab-Indonesia di Hadhramaut juga tidak lagi bertutur dalam bahasa Melayu.

Namun begitu, banyak perkataan Melayu telah diserapkan dalam bahasa vernakular Hadhrami tempatan; perkataan seperti al-mari, turus dan sekolah. Perkataan ‘adoi’ dan sesekali ‘adoi sakit’ kerap didengari.

## SAMBAL BELACAN DI HADHRAMAUT

Masakan Indonesia pula boleh didapati secara meluas di rumah Hadhrami. Mereka mempunyai sambal goreng dan gado-gado.

Memandangkan tahu dan tempe tidak mudah didapati, maka sambal goreng versi Hadhrami lebih berasaskan kambing.

Kebanyakan rumah di Hadhrami mempunyai versi tersendiri hidangan masak merah, manakala keropok dan emping adalah antara makanan kegemaran orang Hadhrami.

Sambal belacan dan sambal *oelek* adalah perkara biasa. Malah, ada belacan keluaran tempatan.

Hubungan rakyat dengan rakyat antara Hadhramaut dan tanah Melayu telah wujud selama lebih 200 tahun.

Kebanyakan puak-puak di Hadhramaut akan mempunyai ahli keluarga dari tanah Melayu.

Ramai daripada mereka secara tradisinya bergantung kepada pendapatan yang diterima daripada kekayaan nenek moyang mereka di tanah Melayu.

Terdapat beberapa wakaf yang dibangunkan di Singapura oleh kaum Hadhrami, dan sebahagian daripada mereka mempunyai benefisiari di Hadhramaut.

Orang Singapura juga kerap ke Tarim, Hadhramaut untuk melanjutkan pengajian agama. Hubungan ini telah diperkukuh oleh kebanyakannya oleh individu dan keluarga.



MAKANAN MELAYU DI NEGARA ARAB: Gado-gado dan keropok adalah antara hidangan dan kudapan Melayu yang terdapat di Hadhramaut. – Foto AMEEN TALIB

“

Penduduk Hadhramaut telah berhijrah ke Kepulauan Melayu selama berabad-abad.

Komuniti diaspora Hadhrami wujud di seluruh Kepulauan Melayu. Di Indonesia sahaja mempunyai kira-kira 5 juta Hadhrami. Istilah Arab-Indonesia telah menjadi klasifikasi kaum biasa di sana.

Orang Arab/Hadhrami yang pertama dikenali di Singapura adalah pedagang dan pedagang kaya yang datang dari Palembang, Indonesia, pada 1819, apabila Singapura menjadi pos perdagangan.

Dengan rangkaian perdagangan mereka, orang Arab/Hadhrami membantu menjadikan Singapura sebagai sebuah entrepot yang berkembang maju.

– Penulis.

## PERANAN AL-WEHDAH

Persatuan Arab Al-Wehdah juga telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan antara Singapura dengan Hadhramaut.

Sebagai contoh, Al-Wehdah menjadi tuan rumah kepada lawatan Encik George Yeo, Menteri Ehwat Luar Singapura ketika itu, ke Hadhramaut pada tahun 2007.

Mereka juga telah membantu Hadhramaut dalam bantuan banjir pada tahun 2008.

Sejak kebelakangan ini, Al-Wehdah telah bekerjasama dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) untuk memasang panel solar di sekolah, dan tahun lepas mengumpul sekitar

\$170,000 dan mengagihkan bantuan makanan di Hadhramaut.

Satu bidang yang patut diberi perhatian ialah kelemahan berbahasa Melayu di Hadhramaut. Ini juga menjadi isu dalam kebanyakan diaspora Melayu.

Suriname mempunyai komuniti berbahasa Jawa yang besar yang telah wujud selama berabad-abad. Mereka masih berbahasa Jawa tetapi secara perlahan-lahan telah mula menghilang.

Terdapat sebuah kampung Jawa di Paramaribo, ibu kota Suriname. Masakan orang Jawa merupakan sebahagian daripada masakan arus perdana.

Orang Melayu Cape di Afrika Selatan juga telah kehilangan bahasa Melayu mereka.

Diaspora Melayu di Australia adalah baru dan masih menguasai bahasa Melayu, tetapi berisiko kehilangannya pada generasi akan datang.

Kempen Bulan Bahasa harus mempertingkatkan untuk mengadakan pengantarabangsaan bahasa Melayu sebagai temanya.

Pengantarabangsaan bahasa Melayu memerlukan usaha yang diselenggarakan antara negara berbahasa Melayu seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, dan Singapura. Sebaik-baiknya, ia boleh menjadi Inisiatif Asean.

ia mungkin boleh ditubuhkan seperti penubuhan British Council atau Alliance Francaise.

Bahasa Melayu secara tradisinya adalah bahasa perdagangan maritim seluruh rantau Asia Tenggara.

Dari segi sejarah, bahasa Melayu juga merupakan lingua franca Filipina sebelum penjajahan Sepanyol.

Dokumen bertulis Filipina lama, seperti *Laguna Copperplate Inscription of 900*, menggunakan varian tempatan bahasa Melayu lama.

Bahasa Melayu adalah bahasa yang sangat dikenali dengan Asia Tenggara.

Bahasa Melayu boleh diajar di negara-negara bukan berbahasa Melayu, terutamanya di diaspora yang berbahasa Melayu.

ia boleh bermula dengan masyarakat Islam di Thailand dan Filipina.

Sebagai satu inisiatif, dengan kerjasama Al-Wehdah, kami boleh mengajar bahasa Melayu di Hadhramaut. Terdapat minat di sana untuk belajar bahasa Melayu.

Inisiatif Asean sebegini akan membantu dalam memelihara penggunaan bahasa Melayu di kalangan diaspora antarabangsa Melayu.

ia juga boleh, dalam jangka panjang, meningkatkan penggunaan antarabangsa bahasa Melayu. Cabarannya ialah untuk Asean mengiktiraf bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada identiti Asean dan meneruskan inisiatif tersebut.

Cabaran yang lain adalah untuk mengatasi hujah nasionalistik mengenai Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia. Keduanya adalah Melayu!

► Penulis Ketua Projek Gunaan, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan Setiausaha Kehormat Persatuan Arab Singapura (Al-Wehdah).